# corporate governance statement

## penyata tadbir urus korporat

The Board of Directors ("the Board") of Media Prima Berhad (MPB) is fully committed to ensuring that the highest standards of corporate governance are practiced throughout MPB and its subsidiaries ("the Group") as a fundamental part of discharging its responsibilities to protect and enhance shareholder value and the financial performance of the Group. The Board fully supports the recommendations of the Malaysian Code of Corporate Governance (the Code) and believes that good corporate governance is essential to attain the Group's business and social objectives.

The Board is pleased to disclose the Company's application of the principles and extent to which the Company has complied with the Best Practices of the Code during the financial period ended 31 December 2003.

### The Board of Directors

The Board has the overall responsibility for corporate governance, reviewing the adequacy and integrity of the system of internal controls, reviewing and adopting the strategic direction of the Group and overseeing the investments of the Group.

MPB, listed on 22 October 2003, pursuant to the corporate restructuring exercise, held two (2) Board meetings after the exercise up to 31 December 2003. The Board has delegated specific responsibilities to three (3) subcommittees (Audit, Nomination and Remuneration Committees), the details of which are set out below. These Committees have the authority to examine particular issues and report back to the Board with their recommendations. The ultimate responsibility for the final decision on all matters, however, lies with the entire Board.

Lembaga Pengarah Media Prima Berhad (MPB) adalah komited untuk memastikan bahawa piawaian tadbir urus korporat yang tertinggi sentiasa diamalkan di MPB dan syarikat– syarikat subsidiarinya (Kumpulan) sebagai tunggak penting melaksanakan tanggungjawabnya untuk melindungi dan mempertingkatkan nilai pemegang saham dan prestasi kewangan Kumpulan. Lembaga Pengarah menyokong sepenuhnya saranan yang terkandung di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Kod) dan yakin bahawa tadbir urus korporat yang baik adalah penting untuk mencapai matlamat-matlamat perniagaan dan sosial Kumpulan.

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mendedahkan perlaksanaan Kod oleh Kumpulan dan setakat mana Kumpulan telah mematuhi semua amalan terbaik yang terkandung di dalam Kod tersebut sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2003.

### Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab keseluruhan terhadap tadbir urus korporat, mengkaji kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman, menyemak dan menerima-pakai hala tuju strategik Kumpulan dan mengawalselia pelaburan Kumpulan.

MPB, disenaraikan pada 22 Oktober 2003 berikutan pengstrukturan korporat, telah mengadakan dua (2) mesyuarat Lembaga Pengarah sehingga 31 Disember 2003. Lembaga Pengarah telah mengagihkan tanggungjawab khusus kepada tiga (3) jawatankuasa kecil (Jawatankuasa Audit, Pencalonan dan Imbuhan), yang mana butir-butir lengkap mengenainya dibentangkan di bawah. Jawatankuasa-jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk memeriksa isu-isu tertentu dan membuat laporan kepada Lembaga Pengarah berserta dengan saranan mereka. Walau bagaimanapun, tanggungjawab mutlak bagi membuat keputusan terakhir berhubung semua perkara, masih dipikul oleh keseluruhan Lembaga Pengarah.

## Board Balance

As at 31 December 2003, the Board has six (6) members, of which one (1) is executive Director and five (5) non-executive Directors (including the Chairman). Three (3) of the five (5) non-executive Directors are independent.

The composition of the Board reflects a wide variety of background and experience. A brief description of the background of each director is set out on pages 32 to 39 of this annual report.

There is clear division of roles and responsibilities between the Chairman of the Board and the Group Chief Executive Officer (CEO) to ensure that there is a balance of power and authority. The Chairman of the Board is responsible for ensuring the Board's effectiveness and conduct whilst the Group CEO has overall responsibility over the business units, organizational effectiveness and implementation of Board's policies, strategies and decisions.

There is also balance in the Board as reflected by the presence of independent non-executive Directors with necessary calibre to carry sufficient weight in Board decisions. Although all the Directors have an equal responsibility for the Group's operations, the role of these independent non-executive Directors is particularly important in ensuring that the strategies proposed by the executive management are fully discussed and examined, and take account of the long term interests, not only of the shareholders, but also of employees, customers, suppliers, and the many communities in which the Group conducts business.

The Board has initiated a process, to be carried out by the Nomination Committee annually, for assessing the effectiveness of the Board as a whole, the committees of the Board and for assessing the contribution of each individual director and hopes that this can be implemented sometime in the near future. Through the Nomination Committee, the board will also annually review its required mix of skills and experience and other qualities, including core competencies which non-executive directors should bring to the Board.

The Board has nominated Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar to act as the senior independent non-executive Director to whom concerns regarding the Group may be conveyed.

## Keseimbangan Lembaga Pengarah

Pada 31 Disember 2003, Lembaga Pengarah terdiri daripada enam (6) ahli, yang mana satu (1) daripada mereka merupakan Pengarah eksekutif dan lima (5) Pengarah bukan eksekutif (termasuk Pengerusi). Tiga (3) daripada lima (5) Pengarah bukan eksekutif adalah pengarah bebas.

Komposisi Lembaga Pengarah menggambarkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman anggotanya. Keterangan ringkas mengenai latar belakang setiap Pengarah dibentangkan di muka surat 32 hingga 39 dalam Laporan Tahunan ini.

Terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas antara Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bagi memastikan wujud keseimbangan kuasa dan autoriti.

Pengerusi Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab menentukan keberkesanan Lembaga Pengarah manakala Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan pula adalah bertanggungjawab ke atas unit-unit perniagaan, keberkesanan organisasi dan perlaksanaan dasar-dasar, strategi dan keputusan Lembaga Pengarah.

Terdapat juga keseimbangan di dalam komposisi Lembaga Pengarah dengan kehadiran pengarah-pengarah bebas bukan eksekutif dengan kaliber yang diperlukan untuk membawa kesan yang mencukupi di dalam keputusan-keputusan Lembaga Pengarah. Walaupun kesemua pengarah mempunyai tanggungjawab yang sama di dalam operasi Kumpulan, tugas pengarah-pengarah bebas bukan eksekutif adalah sangat penting di dalam menentukan strategi-strategi yang dicadangkan oleh pengurusan eksekutif adalah dibincangkan keseluruhannya dan diteliti dengan mengambil kira kepentingan jangka-panjang bukan sahaja untuk pemegang-pemegang saham malah untuk kepentingan kakitangan, pelanggan, pembekal-pembekal dan pelbagai komuniti di mana Kumpulan menjalankan perniagaannya.

Lembaga Pengarah telah memulakan satu proses untuk dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pencalonan pada setiap tahun untuk menilai keberkesanan keseluruhan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pengarah serta untuk menilai sumbangan setiap ahli Lembaga dan berharap agar ianya dapat dilaksanakan pada masa terdekat. Melalui Jawatankuasa Pencalonan juga, Lembaga Pengarah akan mengkaji pada setiap tahun keperluan berbagai kepakaran dan pengalaman serta kelebihan-kelebihan yang lain termasuk kecekapan-kecekapan utama yang mana pengarah-pengarah bukan eksekutif harus ketengahkan ke Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah telah melantik Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar untuk bertindak sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan di mana permasalahan yang melibatkan Kumpulan boleh diunjurkan kepada beliau.

## Board Meetings

The Board intends to meet at least four (4) times a year, with additional meetings convened as and when necessary.

Details of the Board movement and attendance at meetings for financial period ended 31 December 2003 are set out below:

## Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah berhasrat untuk bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, di mana mesyuarat tambahan akan diadakan jika perlu.

Butir-butir mengenai perubahan yang berlaku di dalam Lembaga Pengarah dan kehadiran di mesyuarat untuk tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2003 adalah seperti berikut:

| Directors<br>Pengarah | Designation<br>Jawatan | Appointment<br>Perlantikan | Resignation<br>Perletakan Jawatan | Attendance<br>Kehadiran |
|---|---|---|---|---|
| **YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail** | **Chairman** Pengerusi | **18.08.2003** | - | **2/2** |
| **Encik Abdul Rahman bin Ahmad** | **Group Managing Director/ Chief Executive Officer**<br>Pengarah Urusan Kumpulan/ Ketua Pegawai Eksekutif | **22.10.2001** | - | **2/2** |
| **YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar** | **Independent Non-Executive Director**<br>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif | **18.08.2003** | - | **2/2** |
| **YBhg Tan Sri Lee Lam Thye** | **Independent Non-Executive Director**<br>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif | **18.08.2003** | - | **2/2** |
| **Encik Shahril Ridza bin Ridzuan** | **Non-Independent Non-Executive Director**<br>Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif | **22.10.2001** | - | **2/2** |
| **YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak** | **Independent Non-Executive Director**<br>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif | **05.12.2003** | - | **1/1*** |

* Based on one board meeting held after appointment

* Berdasarkan kepada satu mesyuarat lembaga yang diadakan selepas perlantikan

## Appointments to the Board

The Code endorses, as good practice, a formal procedure for appointments to the Board, with a nomination committee making recommendations to the Board. The Nomination Committee (NC) of the Board was established on 19 August 2003 to identify, nominate and recommend the appointments of directors to the Board and committees of the Board.

## Re-election of Directors

In accordance with the Company's Articles of Association, all Directors who are appointed by the Board are subject to election by shareholders at the first opportunity after their appointment. The Articles also provide that at least one third of the remaining Directors be subject to re-election by rotation at each Annual General Meeting.

## Directors' Training

As an integral element of the process of appointing new directors, the NC ensures that there is an orientation and education programme for new Board members. Directors also receive further training from time to time, particularly on relevant new laws and regulations and changing commercial risks.

All the Directors have attended the Mandatory Accreditation Programmes as required under the MSEB rulings, except for YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak who was appointed to the Board on 5 December 2003. YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak will be attending the programme in July 2004. The Board, through the NC intends to annually review the mix of skills of its component members and institute a self-assessment of its effectiveness in due course.

## Perlantikan ke Lembaga Pengarah

Sebagai satu amalan terbaik, Kod ini mengesahkan satu prosedur formal bagi perlantikan ke Lembaga Pengarah, berasaskan kepada syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Pencalonan (JP) kepada Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Pencalonan telah ditubuhkan pada 19 Ogos 2003 untuk mengenalpasti, mencalon dan mengesyorkan perlantikan pengarah-pengarah ke Lembaga Pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.

## Perlantikan semula Pengarah

Menurut Tataurusan Pertubuhan Syarikat, semua pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah tertakluk kepada pemilihan oleh para pemegang saham pada peluang pertama sejurus selepas pelantikan mereka. Tataurusan tersebut juga menetapkan bahawa sekurang-kurangnya satu per tiga daripada Pengarah selebihnya tertakluk kepada pemilihan semula mengikut giliran pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

## Kursus untuk Pengarah

Sebagai unsur penting dalam proses pelantikan para pengarah baru, JP memastikan ahli Lembaga Pengarah yang baru mengikuti program orientasi dan pendidikan. Para Pengarah juga menerima latihan lanjut dari semasa ke semasa, khususnya berhubung undang-undang dan peraturan baru serta risiko perdagangan yang sering berubah-ubah.

Semua Pengarah telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori seperti yang ditetapkan oleh peraturan MSEB (dahulunya dikenali sebagai BSKL) kecuali YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak yang dilantik ke Lembaga Pengarah pada 5 Disember 2003. YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak akan menghadiri program tersebut pada Julai 2004. Melalui JP, Lembaga Pengarah berhasrat untuk menjalankan kajian setiap tahun berkaitan campuran kemahiran komponen para ahlinya dan melaksanakan penilaian sendiri berhubung keberkesanannya dalam tempoh tersebut.

## Supply of Information to the Board

The Board has unrestricted access to timely and accurate information, necessary in the furtherance of their duties, which is not only quantitative but also other information deemed suitable such as customer satisfaction, product and service quality, market share and market reaction.

All Directors review the Board report prior to the Board meeting. This is issued in sufficient time (at least five days prior to the meeting) to enable the Directors to obtain further explanations, where necessary, in order to be briefed properly before the meeting.

In addition to Group performances discussed at the meeting, there is a schedule of matters reserved specifically for the Board's decision, including the approval of corporate plans and budgets, acquisitions and disposals of assets that are material to the Group, major investments, changes to management and control structure of the Group, including key policies, procedures and authority limits.

All Directors have access to the advice and services of the Company Secretary and where necessary, in the furtherance of their duties, take independent professional advice at the Company's expense.

## Board Committees

The following Board Committees have been established to assist the Board in the execution of its responsibilities. The terms of reference of each committee have been approved by the Board of Directors.

### Nomination Committee (NC)

The NC was established on 19 August 2003. The members of the NC are:

**YBhg Tan Sri Lee Lam Thye (Chairman)***
**YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail****
**YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar***

* Independent non-executive director
** Non-independent, non-executive director

## Bekalan Maklumat kepada Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mempunyai akses yang tidak terhalang untuk mendapatkan maklumat yang menepati masa dan tepat, yang sesuai untuk mereka menjalankan tugas tetapi tidak terhad kepada maklumat kuantitatif sahaja malah turut meliputi maklumat yang dianggap sesuai seperti kepuasan pelanggan, kualiti produk dan perkhidmatan, pasaran saham dan tindak balas pasaran.

**Lembaga Pengarah mempunyai akses yang tidak terhalang untuk mendapatkan maklumat yang menepati masa dan tepat, yang sesuai untuk mereka menjalankan tugas tetapi tidak terhad kepada maklumat kuantitatif sahaja malah turut meliputi maklumat yang dianggap sesuai seperti kepuasan pelanggan, kualiti produk dan perkhidmatan, pasaran saham dan tindak balas pasaran**

Semua Pengarah akan mengkaji laporan Pengarah sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah berlangsung. Laporan ini dikeluarkan dengan memberi masa yang memadai (sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat) bagi membolehkan para Pengarah mendapatkan penjelasan lanjut, jika perlu, supaya diberi taklimat yang sewajarnya sebelum mesyuarat.

Selain daripada membincangkan prestasi Kumpulan di mesyuarat tersebut, terdapat satu jadual perkara-perkara yang khusus untuk diputuskan oleh Lembaga Pengarah, termasuk meluluskan rancangan dan belanjawan korporat, pembelian dan penjualan aset yang penting bagi Kumpulan, pelaburan utama, perubahan pengurusan dan struktur kawalan Kumpulan, termasuk dasar-dasar penting, prosedur dan had autoriti.

Semua Pengarah boleh mendapatkan nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat dan jika perlu untuk melaksanakan tugas mereka, mendapatkan nasihat profesional bebas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat.

## Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah berikut telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Bidang tugas setiap jawatankuasa telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

The NC is responsible for:

- Identifying and recommending new nominees to the Board and committees of the Board of MPB and nominees to the Boards of its subsidiaries. All decisions and appointments are made by the respective Boards after considering the recommendation of the NC.
- Assisting the Board in assessing its overall effectiveness; and
- Assisting the Board in reviewing its required mix of skills and experience and other qualities which non-executive Directors should bring to the Board.

The NC shall meet at least once a year and a quorum of three (3) is required to convene the meeting.

**The Board has unrestricted access to timely and accurate information, necessary in the furtherance of their duties, which is not only quantitative but also other information deemed suitable such as customer satisfaction, product and service quality, market share and market reaction**

Remuneration Committee (RC)

In line with the Code, RC was established on 19 August 2003. The members of the RC are:

**YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar (Chairman)***
**YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail****
**YBhg Tan Sri Lee Lam Thye***

* Independent non-executive director
** Non-independent, non-executive director

The RC is responsible:

Jawatankuasa Pencalonan (JP)

JP telah ditubuhkan pada 19 Ogos 2003. Ahli-ahli JP terdiri daripada:

YBhg Tan Sri Lee Lam Thye (Pengerusi)*
YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail**
YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar*

* Pengarah bebas bukan eksekutif
** Pengarah bukan bebas bukan eksekutif

JP bertanggungjawab untuk:

- Mengenalpasti dan mengesyorkan calon-calon baru kepada Lembaga Pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah MPB dan calon-calon ke Lembaga Pengarah syarikat-syarikat subsidiarinya. Semua keputusan dan perlantikan dibuat oleh Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan selepas mempertimbangkan syor JP.
- Membantu Lembaga Pengarah menilai tahap keberkesanan keseluruhannya; dan
- Membantu Lembaga Pengarah mengkaji campuran kemahiran dan pengalaman serta kualiti-kualiti lain yang perlu dibawa oleh Pengarah bukan eksekutif ke dalam Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun dan kuorum tiga (3) orang ahli diperlukan untuk melangsungkan mesyuarat.

Jawatankuasa Imbuhan (JI)

Selaras dengan Kod, sebuah JI telah ditubuhkan pada 19 Ogos 2003. Ahli-ahli JI terdiri daripada:

YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar (Pengerusi)*
YAM Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail**
YBhg Tan Sri Lee Lam Thye*

* Pengarah bebas bukan eksekutif
** Pengarah bukan bebas bukan eksekutif

JI bertanggungjawab:

- Untuk menentu dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja atau dasar umum untuk pakej ganjaran Ketua Eksekutif Syarikat atau Kumpulan, Pengerusi Syarikat dan ahli-ahli pengurusan eksekutif lain seperti yang dikhususkan untuk pertimbangannya.
- Untuk mewujudkan satu prosedur formal dan telus bagi membangunkan dasar berhubung keseluruhan pakej ganjaran setiap individu bagi pengarah eksekutif, ketua pegawai eksekutif (CEO) dan jawatan eksekutif pengurusan tertentu yang lain termasuk bonus, insentif dan opsyen saham, mengikut kesesuaian.

- To determine and recommend to the Board the framework or broad policy for the remuneration packages of the Company's or Group's Chief Executive, the Chairman of the Company and such other members of the executive management as it is designated to consider.
- To establish a formal and transparent procedure for developing policy on the total individual remuneration package of executive directors, Chief Executive Officer (CEO) and other designated executive management including, where appropriate, bonuses, incentives and share options.
- To design the remuneration package for all executive directors, CEO and other designated executive management with the aim of attracting and retaining high-calibre designated executive management who will deliver success for shareholders and high standards of service for customers, while having due regard to the business environment in which the Group operates. Once formulated, to recommend to the Board for approval.
- To review and recommend to the Board improvements (if any) on designated executive managements' remuneration policy and package and any other issues relating to benefits of designated executive management on an annual basis.
- To review any major changes in employee benefit structures throughout the Company or Group, and if fit recommend to the Board for adoption.
- To review and recommend to the Board for adoption the framework for the Company's annual incentive scheme. The framework for the annual incentive scheme may include:
  - Merit increment
  - Merit bonus
  - Incentives (based on sales and others)

  During the financial period ended 31 December 2003, the Remuneration Committee held two (2) meetings on 30 October 2003 and 12 December 2003.

**The Audit Committee has full access to the auditors both internally and externally who, in turn, have access at all times to the Chairman of the Committee**

**Jawatankuasa Audit mempunyai akses penuh terhadap juruaudit dalaman dan juruaudit luar, di mana kedua-duanya pula mempunyai akses sepanjang masa kepada Pengerusi JA**

- Untuk merangka pakej ganjaran bagi semua pengarah eksekutif, CEO dan eksekutif pengurusan tertentu lain dengan tujuan untuk menarik dan mengekalkan eksekutif pengurusan berkebolehan tinggi yang mampu memberi kejayaan kepada pelaburan para pemegang saham dan tahap perkhidmatan yang tinggi kepada para pelanggan, dan pada masa yang sama memberi pertimbangan sewajarnya terhadap persekitaran perniagaan di mana Kumpulan beroperasi. Setelah dirumuskan, ia akan dicadangkan kepada Lembaga pengarah untuk diluluskan.
- Untuk mengkaji semula dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah penambahan (jika ada) mengenai dasar dan pakej ganjaran para eksekutif pengurusan tertentu dan sebarang isu lain yang berkaitan dengan ganjaran untuk eksekutif pengurusan tersebut setiap tahun.
- Untuk mengkaji sebarang perubahan besar dalam struktur faedah pekerja di seluruh Syarikat atau Kumpulan, dan jika sesuai ia akan dicadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk diterima pakai.
- Untuk mengkaji dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah penggunaan rangka kerja untuk skim insentif tahunan Syarikat. Rangka kerja skim insentif tahunan itu boleh meliputi:
  - Kenaikan merit
  - Bonus merit
  - Insentif (berasaskan kepada jualan dan lain-lain)

  Pada tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2003, Jawatankuasa Imbuhan telah mengadakan dua (2) mesyuarat pada 30 Oktober 2003 dan 12 Disember 2003.

### Audit Committee (AC)

The Audit Committee (AC) reviews issues on accounting policies and presentation of external financial reporting, monitors the works of the internal audit function and ensures an objective and professional relationship maintained with the external auditors. The AC has full access to the auditors both internally and externally who, in turn, have access at all times to the Chairman of the Committee.

The AC approves the appointment of the General Manager of Corporate Governance and Risk Management who is responsible for the internal audit function for the Group and determines the remuneration, increment and performance rating of the General Manager. The AC meets with the external auditors, excluding the attendance of the executive members of the committee, whenever deemed necessary.

The Audit Committee Report is set out on pages 58 to 65 of this annual report.

## Directors' Remuneration

The objectives of the Group's policy on Directors' remuneration are to attract and retain Directors of the calibre needed to manage the Group successfully. The component parts of remuneration are structured so as to link rewards to corporate and individual performance, in the case of executive Directors. In the case of non-executive Directors, the level of remuneration reflects the experience, expertise and level of responsibilities undertaken by the particular non-executive Director concerned.

The Remuneration Committee recommends to the Board, the framework of the executive Director's remuneration and the remuneration package for each executive Director and in framing the Group's remuneration policy, the Remuneration Committee receives advice from external consultants. It is nevertheless, the ultimate responsibility of the Board to approve the remuneration of these Directors.

Save that the fees of the Directors shall from time to time be determined by an ordinary resolution of the Company and shall (unless such resolution otherwise provide) be divisible among the Directors as they may agree, the determination of the remuneration packages of non-executive Directors (whether in addition to or in lieu of their fees as Directors), is a matter for the Board as a whole. Individual Directors do not participate in decision regarding their own remuneration package.

### Jawatankuasa Audit (JA)

Jawatankuasa Audit (JA) mengkaji isu-isu berkenaan dasar perakaunan dan pembentangan laporan kewangan luaran, memantau kerja-kerja fungsi audit dalaman dan menentukan perhubungan yang objektif dan professional dengan juruaudit luar. JA mempunyai akses penuh terhadap juruaudit dalaman dan juruaudit luar, di mana kedua-duanya pula mempunyai akses sepanjang masa kepada Pengerusi JA.

JA meluluskan perlantikan Pengurus Besar, Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko yang bertanggungjawab ke atas fungsi audit dalaman untuk kumpulan dan menentukan ganjaran, kenaikan gaji serta ukuran prestasi Pengurus Besar tersebut. JA bermesyuarat dengan juruaudit luar, tanpa dihadiri oleh ahli eksekutif jawatankuasa apabila diperlukan.

Laporan Jawatankuasa Audit dibentangkan di muka surat 58 hingga 65 Laporan Tahunan ini.

## Imbuhan Pengarah

Matlamat dasar Kumpulan berkenaan Imbuhan Pengarah adalah untuk menarik minat dan mengekalkan pengarah-pengarah yang berkaliber untuk menguruskan Kumpulan dengan cemerlang. Komponen di dalam imbuhan untuk pengarah-pengarah eksekutif telah distrukturkan untuk mengaitkan ganjaran kepada prestasi korporat dan individu. Manakala imbuhan untuk pengarah-pengarah bukan eksekutif, tahap imbuhan mencerminkan pengalaman, kebolehan dan tahap tanggungjawab yang disandang oleh pengarah bukan eksekutif yang berkenaan.

Jawatankuasa Imbuhan menyarankan kepada Lembaga Pengarah, rangka kerja imbuhan untuk pengarah eksekutif dan pakej imbuhan untuk setiap pengarah eksekutif dan di dalam merangka dasar imbuhan untuk Kumpulan, Jawatankuasa Imbuhan menerima nasihat daripada perunding luar. Namun demikian, Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab secara mutlak dalam meluluskan imbuhan kepada semua pengarah.

Melainkan yuran pengarah yang dari semasa ke semasa ditentukan oleh resolusi biasa syarikat dan akan dibahagikan di antara pengarah-pengarah sebagaimana yang dipersetujui mereka (melainkan resolusi menetapkan cara lain), penentuan pakej-pakej imbuhan untuk pengarah bukan eksekutif (samada tambahan kepada atau berkenaan yuran mereka sebagai pengarah), adalah ditentukan oleh Lembaga Pengarah secara keseluruhan. Pengarah tidak terlibat di dalam membuat keputusan mengenai pakej imbuhan masing-masing.

## Remuneration Package

The remuneration package of the Directors is as follows:

- Basic salary
  The basic salary (inclusive of statutory employer contributions to the Employee Provident Fund) for the executive Director is recommended by the Remuneration Committee, taking into account the performance of the individual, the inflation price index and information from independent sources on the rates of salary for similar positions in a selected group of comparable companies. The salary is reviewed annually.

- Fees
  The Board, based on the fixed sum as authorized by the Group's shareholders, determines fees payable to non-executive Directors after considering comparable industry rates and the level of responsibilities undertaken by non-executive Directors.

- Bonus scheme
  The Group operates a bonus scheme for all employees, including the executive Director. The criteria for the scheme is dependent on the level of profit achieved from certain aspects of the Group's business activities as measured against targets, together with an assessment of each individual's performance during the period. Bonuses payable to the executive Directors are reviewed by the Remuneration Committee and approved by the Board.

- Benefits-in-kind
  Executive Directors are also entitled to other customary benefits such as private medical cover and car.

A summary of the remuneration of the Directors for the 16-month period ended 31 December 2003, distinguishing between executive and non-executive Directors in aggregate, with categorization into appropriate components and the number of Directors whose remuneration falls into each successive band of RM50,000 are set out as follows:

## Pakej Imbuhan

Pakej imbuhan untuk pengarah-pengarah adalah seperti berikut:

- Gaji asas
  Gaji asas (termasuk caruman wajib majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) untuk pengarah eksekutif adalah disarankan oleh Jawatankuasa Imbuhan dengan mengambil kira prestasi individu, indeks harga inflasi dan informasi dari sumber bebas mengenai kadar gaji untuk jawatan yang sama di dalam satu kumpulan syarikat-syarikat terpilih yang boleh dibandingkan. Gaji adalah dikaji setiap tahun.

- Yuran
  Lembaga Pengarah menentukan yuran yang perlu dibayar kepada pengarah-pengarah bukan eksekutif berdasarkan jumlah tetap yang dibenarkan oleh pemegang-pemegang saham Kumpulan selepas mengambil kira kadar industri setanding dan tahap tanggungjawab yang disandang oleh pengarah-pengarah bukan eksekutif.

- Skim Bonus
  Kumpulan mempunyai satu skim bonus untuk semua kakitangan termasuk pengarah eksekutif. Kriteria untuk skim tersebut adalah bergantung kepada tahap keuntungan yang dicapai dari aspek tertentu aktiviti perniagaan Kumpulan dinilai berbanding dengan sasaran berserta dengan penilaian terhadap prestasi setiap individu di dalam satu jangkawaktu. Bonus yang perlu dibayar kepada pengarah-pengarah eksekutif adalah dikaji oleh Jawatankuasa Imbuhan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

- Manfaat bukan berbentuk wang
  Pengarah eksekutif juga adalah layak untuk menerima manfaat lazim seperti perlindungan kesihatan persendirian dan kereta.

Satu ringkasan mengenai imbuhan para Pengarah bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2003, dibezakan antara Pengarah eksekutif dan bukan eksekutif dalam agregat, dengan mengkategori dalam komponen yang sesuai dan bilangan Pengarah yang mana ganjaran mereka berada dalam lingkungan setiap RM50,000 adalah dinyatakan seperti berikut:

**Aggregate Remuneration** | Agregat Imbuhan

| Remuneration (RM)<br>Imbuhan (RM) | Executive Directors<br>Pengarah Eksekutif | Non-Executive Directors<br>Pengarah Bukan Eksekutif | Total<br>Jumlah |
|---|---|---|---|
| Fees \| Yuran – MPB<br>– MPB Subsidiaries \| Anak-anak Syarikat MPB | –<br>– | 52,520.54<br>133,205.48 | 52,520.54<br>133,205.48 |
| Salary \| Gaji | 154,060.27 | – | 154,060.27 |
| EPF \| KWSP | 35,617.00 | – | 35,617.00 |
| Bonus \| Bonus | – | – | – |
| Allowance \| Elaun | 22,000.00 | – | 22,000.00 |
| Benefits-in-kind \| Manfaat bukan berbentuk wang | 3,487.86 | – | 3,487.86 |
| Gratuity \| Ganjaran-ganjaran lain | – | – | – |
| Total \| Jumlah | 215,165.13 | 185,726.02 | 400,891.15 |

**Analysis of Remuneration** | Analisa Imbuhan

| Remuneration (RM)<br>Imbuhan (RM) | Executive Directors<br>Pengarah Eksekutif | Non-Executive Directors<br>Pengarah Bukan Eksekutif | Total<br>Jumlah |
|---|---|---|---|
| 0 – 50,000 | – | 4 | 4 |
| 50,001 – 100,000 | – | 1 | 1 |
| 100,001 – 150,000 | – | – | – |
| 150,001 – 200,000 | – | – | – |
| 200,001 – 250,000 | 1 | – | 1 |

## Investor Relations

As a public-listed company responsible to its shareholders, MPB acknowledges the need for transparency and disclosure in its business dealings.

Various corporate announcements are made during the period under review which include timely release of the quarterly financial results. In addition, corporate announcements, events and developments are issued to the media via press releases and/or by holding press conferences after general meetings or corporate events. These provide shareholders, analysts and the investing public with an overview of the Group's performance and operations.

MPB, listed on 22 October 2003 on the main Board of the MSEB, will be convening its first public AGM in May 2004.

## Financial Reporting

In presenting the annual financial statements and quarterly announcement to shareholders, the Directors aim to present a balanced and understandable assessment of the Group's position and prospects. This also applies to other price-sensitive public reports and reports to regulators.

## Directors' Responsibility Statement for Preparing the Financial Statements

The Board is responsible for the preparation of the financial statements of the Company which are based on accounting policies which have been consistently and properly applied, supported by reasonable and prudent judgements and estimates, in adherence to all applicable accounting standards. It is also the Board's responsibility to ensure that accounting records are accurate, within margins of reasonableness, which discloses the financial position of the Group in a true and fair manner. The statements by directors pursuant to Section 169 (15) of the Companies Act, 1965 in relation to the preparation of the financial statements is set out on page 152 of this annual report under Statement by Directors.

## Relationship with the Auditors

The Company has established transparent and appropriate relationships with the Company's auditors through the Audit Committee. The role of the Audit Committee in relation to the external auditors is described on page 64 of this annual report.

## Perhubungan Pelabur

Sebagai sebuah syarikat senarai awam yang bertanggungjawab terhadap para pemegang sahamnya, MPB mengakui tentang keperluan untuk mewujudkan ketelusan dan pendedahan dalam urusan perniagaan yang dijalankan.

Berbagai pengumuman korporat telah dibuat pada tahun ini dan ia meliputi pengumuman keputusan kewangan suku tahunan seperti yang dijadualkan. Di samping itu, pengumuman, acara dan perkembangan korporat disiarkan di media melalui siaran akhbar dan/atau dengan mengadakan sidang akhbar selepas mesyuarat agung atau acara korporat. Semuanya ini menyediakan maklumat tentang prestasi dan operasi Kumpulan kepada para pemegang saham, penganalisa serta masyarakat pelabur.

**As a public listed company responsible to its shareholders, MPB acknowledges the need for transparency and disclosure in its business dealings. Various corporate announcements are made during the period under review and these include timely release of the quarterly financial results**

**Sebagai sebuah syarikat senarai awam yang bertanggungjawab terhadap para pemegang sahamnya, MPB mengakui tentang keperluan untuk mewujudkan ketelusan dan pendedahan dalam urusan perniagaan yang dijalankan. Berbagai pengumuman korporat telah dibuat pada tahun ini dan ia meliputi pengumuman keputusan kewangan suku tahunan**

MPB disenaraikan pada 22 Oktober 2003 dipapan utama MSEB (dahulunya dikenali sebagai BSKL) akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya yang pertama di dalam bulan Mei 2004.

## Laporan Kewangan

Para Pengarah beriltizam untuk membentangkan satu penilaian yang seimbang dan mudah difahami mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan dalam pembentangan penyata kewangan tahunan dan pengumuman suku tahunan kepada para pemegang saham. Ini turut digunakan kepada laporan awam yang bersifat sensitif harga dan laporan kepada penguatkuasa peraturan.

## Penyata Tanggungjawab Pengarah dalam Menyediakan Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah telah memastikan bahawa penyata kewangan tersebut telah disedia berasaskan kepada dasar-dasar perakaunan yang konsisten dan digunakan sewajarnya, dengan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang berpatutan dan berhemat, bagi mematuhi semua piawaian perakaunan yang diterima pakai.

Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab untuk memastikan supaya rekod-rekod perakaunan yang disimpan adalah tepat, dengan margin yang berpatutan, mendedahkan kedudukan kewangan Kumpulan dengan cara yang benar dan saksama.

Penyata oleh para Pengarah berhubung dengan Seksyen 169 (15) Akta Syarikat 1965, berkaitan dengan penyediaan penyata kewangan dibentangkan di muka surat 240 dalam Laporan Tahunan ini di bawah Penyata oleh Para Pengarah.

## Perhubungan dengan Juruaudit

Syarikat menjalin perhubungan yang telus dan sesuai dengan juruaudit Syarikat melalui Jawatankuasa Audit.

Peranan Jawatankuasa Audit dalam hubungan dengan juruaudit luar dinyatakan di muka surat 64 dalam Laporan Tahunan ini.

# audit committee report

## laporan jawatankuasa audit

### Composition of Members

**YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar* (Chairman)**
**Encik Abdul Rahman bin Ahmad****
**YBhg Tan Sri Lee Lam Thye***
**YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak***

* Independent non-executive directors
** A member of the Institute of Chartered Accountants, England & Wales

### Membership

The Committee must be appointed from amongst its Directors which fulfils the following requirements:

- The Audit Committee must be composed of no fewer than 3 members;
- A majority of the members must be independent directors; and
- At least one member of the audit committee:

  a. must be a member of the Malaysian Institute of Accountants (MIA); or

  b. if he is not a member of the MIA, he must have at least 3 years' working experience and:

     – he must have passed the examination specified in Part I of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967; or

     – he must be a member of one of the associations of accountants specified in Part II of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967

### Komposisi Ahli

YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar* (Pengerusi)

Encik Abdul Rahman bin Ahmad**

YBhg Tan Sri Lee Lam Thye*

YBhg Dato' Abdul Mutalib bin Datuk Seri Mohamed Razak*

* Pengarah bebas bukan eksekutif
** Ahli Institute of Chartered Accountants, England & Wales

### Keahlian

Jawatankuasa ini perlu dilantik di kalangan para Pengarahnya yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- Jawatankuasa Audit perlu dianggotai oleh tidak kurang dari 3 ahli;
- majoriti ahli hendaklah terdiri daripada para pengarah bebas; dan
- sekurang-kurangnya seorang ahli jawatankuasa audit:

  a. merupakan seorang ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau

  b. jika beliau bukan seorang ahli MIA, beliau perlu mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dan:

     – beliau hendaklah lulus peperiksaan yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau

     – beliau hendaklah merupakan seorang ahli persatuan akauntan yang ditetapkan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967

Pengerusi hendaklah merupakan seorang pengarah bebas bukan eksekutif.

The Chairman shall be an independent, non-executive director.

No alternate director shall be appointed as a member of the Audit Committee.

In the event of any vacancy in the Audit Committee resulting in the non-compliance of the above requirements, the Company must fill the vacancy within 3 months.

The Company Secretary shall act as Secretary to the Committee.

Pengarah pengganti tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Sekiranya berlaku sebarang kekosongan di dalam Jawatankuasa Audit yang menyebabkan keperluan di atas tidak dipatuhi, Syarikat perlu mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh tiga bulan.

Setiausaha Syarikat akan bertindak sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa ini.

- Jawatankuasa Audit memberi bantuan kepada Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab fidusiarinya khususnya berkaitan dengan etika perniagaan, dasar, pengurusan & kawalan kewangan.
- Melalui mesyuarat yang dijadualkan secara tetap, Jawatankuasa Audit perlu mengekalkan saluran komunikasi langsung dengan Lembaga Pengarah, Juruaudit Luar, Juruaudit Dalaman dan Pengurusan.

**The Audit Committee shall be granted the authority to investigate any activity of the Company and its subsidiaries and all employees shall be directed to cooperate as requested by members of the Committee**

**Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk menyiasat sebarang aktiviti Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya dan semua kakitangan akan diarah supaya bekerjasama seperti yang diminta oleh ahli-ahli Jawatankuasa ini**

## Terms of Reference

- The Audit Committee shall be granted the authority to investigate any activity of the Company and its subsidiaries and all employees shall be directed to cooperate as requested by members of the Committee.
- The Audit Committee shall be empowered to retain persons having special competence as necessary to assist the Committee in fulfilling its responsibilities.
- The Audit Committee shall provide assistance to the Board in fulfilling its fiduciary responsibilities particularly relating to business ethics, policies, financial management & control.
- The Audit Committee, through regularly scheduled meetings, shall maintain a direct line of communication between Board, External Auditors, Internal Auditors and Management.

## Bidang Tugas

- Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk menyiasat sebarang aktiviti Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya dan semua kakitangan akan diarah supaya bekerjasama seperti yang diminta oleh ahli-ahli Jawatankuasa ini.
- Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk mengekalkan orang-orang yang mempunyai kemahiran khas yang diperlukan untuk membantu Jawatankuasa ini dalam melaksanakan tanggungjawabnya.
- Jawatankuasa Audit memberi penekanan yang lebih besar kepada fungsi audit dengan mempertingkatkan objektiviti dan kebebasan Juruaudit Luar dan Dalaman dan menyediakan suatu forum untuk perbincangan yang bebas daripada Pengurusan.

- The Audit Committee shall provide greater emphasis on the audit functions by increasing the objectivity and independence of External and Internal Auditors and providing a forum for discussion that is independent of the Management.

### Authority

The Audit Committee shall have the following authority as empowered by the Board of Directors:

- Have authority to investigate any matter within its terms of reference;
- Have the resources which are required to perform its duties;
- Have full, free and unrestricted access to any information, records, properties and personnel of the Company and any other companies within the Group;
- Have direct communication channels with the external auditors and person(s) carrying out the internal audit function or activity (if any);
- Be able to obtain independent professional or other advice; and
- Be able to convene meetings with the external auditors, excluding the attendance of the executive members of the committee, whenever deemed necessary.

### Bidang Kuasa

Jawatankuasa Audit mempunyai kuasa berikut sepertimana yang diberi oleh Lembaga Pengarah:

- Mempunyai kuasa untuk menyiasat sebarang perkara dalam bidang tugasnya;
- Mempunyai sumber yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
- Mempunyai akses sepenuhnya, bebas dan tanpa halangan kepada sebarang maklumat, rekod, harta dan personel Syarikat dan mana-mana syarikat di dalam Kumpulan;
- Mempunyai saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan orang-orang yang menjalankan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
- Boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain; dan
- Boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar, tanpa kehadiran ahli-ahli eksekutif jawatankuasa, apabila perlu.

### Tugas dan Tanggungjawab

- Untuk mengkaji perkara-perkara berikut dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah Syarikat:

  a. pelan audit dengan juruaudit luar

  b. dengan juruaudit luar, penilaian mereka mengenai sistem kawalan dalaman

  c. dengan juruaudit luar, laporan audit

  d. bantuan yang diberi oleh kakitangan Syarikat kepada juruaudit luar

  e. kecukupan skop, fungsi dan sumber fungsi audit dalaman dan bahawa ia mempunyai kuasa yang perlu untuk melaksanakan tugasnya

  f. program audit dalaman, proses, keputusan program audit dalaman, proses atau penyiasatan yang dijalankan dan sama ada sesuai atau tidak tindakan diambil berhubung syor daripada fungsi audit dalaman

## Duties and Responsibilities

- To review the following and report the same to the Board of Directors of the Company:

  a. the audit plan with external auditor

  b. with the external auditor, his evaluation of the system of internal controls

  c. with the external auditor, his audit report

  d. the assistance given by the employees of the Company to the external auditor

  e. the adequacy of the scope, functions and resources of the internal audit functions and that it has the necessary authority to carry out its work

  f. the internal audit programme, processes, the results of the internal audit programme, processes or investigation undertaken and whether or not appropriate action is taken on the recommendations of the internal audit function

  g. the quarterly results and year end financial statements, prior to the approval by the board of directors, focusing particularly on:

     i. changes in or implementation of major accounting policy changes;

     ii. significant and unusual events; and

     iii. compliance with accounting standards and other legal requirements

  h. any related party transaction and conflict of interest situation that may arise within the Company or group including any transaction, procedure or course of conduct that raises questions of management integrity

  i. any letter of resignation from the external auditors of the Company; and

  j. whether there is reason (supported by grounds) to believe that the Company's external auditor is not suitable for re-appointment

- To recommend the nomination of a person or persons as External Auditors.
- To obtain satisfactory response from management on the Internal Audit Reports and reports issued by external auditors.

g. keputusan kewangan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun, sebelum diluluskan oleh lembaga pengarah, dengan memfokus terutamanya kepada:

   i. perubahan dalam atau pelaksanaan perubahan dasar perakaunan utama;

   ii. peristiwa penting dan luarbiasa; dan

   iii. pematuhan terhadap piawaian perakaunan dan keperluan perundangan yang lain;

h. sebarang urusniaga pihak berkaitan dan keadaan konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan termasuk sebarang urusniaga, prosedur atau perjalanan tatalaku yang menimbulkan persoalan berhubung kewibawaan pengurusan

i. sebarang surat peletakan jawatan daripada juruaudit luar Syarikat; dan

j. sama ada berasas (disokong oleh alasan) untuk mempercayai bahawa juruaudit luar Syarikat tidak sesuai untuk perlantikan semula.

- Untuk mengesyorkan perlantikan orang atau orang-orang sebagai Juruaudit Luar.
- Untuk mendapatkan tindak balas yang memuaskan daripada pengurusan berhubung Laporan Audit Dalaman dan laporan yang dikeluarkan oleh juruaudit luar.
- Di mana kajian laporan audit syarikat-syarikat subsidiari dan sebarang syarikat berkaitan turut termasuk di bawah bidang kuasa Jawatankuasa ini, semua fungsi yang dinyatakan di atas perlu dijalankan oleh Jawatankuasa dengan kerjasama Lembaga Pengarah syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat berkaitan.
- Untuk mengkaji pengaturan yang diwujudkan oleh pengurusan bagi pematuhan dengan sebarang penguatkuasa peraturan atau keperluan laporan luar, undang-undang kecil dan peraturan yang berkaitan dengan operasi Kumpulan Media Prima Berhad.

- Where review of audit reports of subsidiaries and any related corporation also falls under the jurisdiction of the Committee, all the abovementioned function shall also be performed by the Committee in co-ordination with the Board of Directors of the subsidiaries and related corporation.
- To review arrangements established by management for compliance with any regulatory or other external reporting requirements, by-laws and regulation related to the Media Prima Berhad (MPB) Group's operations.

### Meetings

- The Committee shall meet at least 4 times in a year to discuss any matters raised by the Auditors in discharging their functions. The quorum for a meeting of the Audit Committee shall be three of which the majority must be independent directors.

  At least once a year, the whole Board shall meet with the external auditors without the presence of any executive Board member/Chief Executive Officer.

- The Secretary is responsible for the co-ordination of administrative details including calling the meetings, voting and keeping of minutes.
- In addition to the Committee members, the Group Chief Financial Officer and Head of Internal Audit are invited for attendance at each meeting. The Head of companies/departments and their Management team will attend when audit reports on their companies/departments are tabled for discussion. The presence of External Auditors will be requested when required.
- The Chairman shall upon the request of the External Auditor, convene a meeting of the committee to consider any matter the External Auditor believes should be brought to the attention of the directors or shareholders.

  The auditors have the right to appear and be heard at any meeting of the Audit Committee and shall appear before the committee when required to do so by the committee.

### Mesyuarat

- Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun untuk membincangkan sebarang perkara yang dikemukakan oleh Juruaudit dalam melaksanakan fungsi mereka. Kuorum mesyuarat Jawatankuasa Audit adalah terdiri daripada tiga (3) ahli yang majoritinya adalah pengarah bebas.

  Sekurang-kurangnya sekali setahun, seluruh Lembaga Pengarah perlu bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran ahli eksekutif Lembaga Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif.

- Setiausaha bertanggungjawab ke atas penyelarasan perkara-perkara berbentuk pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, pengundian dan penyimpanan minit mesyuarat.
- Selain daripada ahli-ahli Jawatankuasa, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan Ketua Audit Dalaman diundang untuk hadir di setiap mesyuarat. Ketua syarikat/jabatan dan pasukan Pengurusannya akan hadir apabila laporan audit berhubung syarikat/jabatan dibentangkan untuk dibincang. Kehadiran Juruaudit Luar akan diminta apabila perlu.
- Di atas permintaan Juruaudit Luar, Pengerusi perlu mengadakan mesyuarat Jawatankuasa untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang Juruaudit Luar percaya perlu diketengahkan untuk perhatian para pengarah atau pemegang saham.

  Juruaudit berhak untuk hadir dan memberi pendapat pada sebarang mesyuarat Jawatankuasa Audit dan perlu hadir di hadapan Jawatankuasa apabila diminta berbuat demikian oleh Jawatankuasa ini.

During the financial period ended 31 December 2003, the Audit Committee held one (1) meeting pursuant to the completion of the corporate restructuring exercise and the listing of MPB on the MSEB on 22 October 2003. The details of attendance of the Committee members are as follows:

Pada tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2003, Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak satu (1) kali berikutan dari perlaksanaan perstrukturan semula korporat dan penyeneraian MPB di MSEB pada 22 Oktober 2003. Butir-butir kehadiran ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

| Audit Committee<br>Ahli Jawatankuasa Audit | 1st Audit Committee Meeting, 30 October 2003<br>Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Audit Pertama, 30 Oktober 2003 |
|---|---|
| YBhg Dato' Dr Mohd Shahari bin Ahmad Jabar | 1 / 1 |
| Encik Abdul Rahman bin Ahmad | 1 / 1 |
| YBhg Tan Sri Lee Lam Thye | 1 / 1 |

## Summary of Activities of the Audit Committee

The following activities were performed by the Audit Committee during the financial period ended 31 December 2003:

### Risks and Controls

- Reviewed the progress of the risk management function in its on-going identification and monitoring of key organizational risks, and the controls implemented by the respective departments in managing those risks;
- Evaluated the overall effectiveness of the system of internal controls through the review of the results of work performed by internal and external auditors and discussions with key senior management.

### Financial Results

- Reviewed the quarterly results and the audited financial statements of MPB and its subsidiaries ('the Group') with the Group Chief Financial Officer and the external auditors before recommending to the Board for their approval and release of the Group's results to the MSEB (formerly known as KLSE) focusing on the following areas, where relevant.

  – Listing Requirements of the MSEB;

  – Provisions of the Companies Act, 1965;

  – Applicable approved accounting standard.

## Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut pada tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2003:

### Risiko dan Kawalan

- Menyemak perkembangan fungsi pengurusan risiko di dalam mengenalpasti dan mengawasi risiko-risiko utama organisasi, dan perlaksanaan kawalan-kawalan oleh jabatan berkenaan dalam menguruskan risiko-risiko tersebut;
- Menilai keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman melalui penyemakan keputusan kerja yang dilaksanakan oleh Juruaudit Dalaman dan Luar dan perbincangan bersama Pengurusan Kanan.

### Keputusan Kewangan

- Menyemak keputusan suku tahunan dan penyata kewangan MPB dan syarikat-syarikat subsidiarinya ('Kumpulan') Yang Diaudit bersama Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan Juruaudit Luar sebelum mengesyorkannya untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan mengumumkan keputusan syarikat kepada MSEB (dahulunya dikenali sebagai BSKL) dengan memberi tumpuan terhadap bahagian-bahagian berikut, di mana berkaitan:

  – Syarat-syarat Penyenaraian MSEB;

  – Peruntukan Akta Syarikat, 1965;

  – Piawaian perakaunan diluluskan yang berkaitan.

### External Audit

- Reviewed with the external auditors their audit plan, strategy and scope of the statutory audits of the Group accounts for the financial period ended 31 December 2003;
- Reviewed the results and issues arising from their audit of the period end financial statements and their resolution of such issues highlighted in their report to the Committee;
- Reviewed their performance and independence before recommending to the Board their re-appointment and remuneration.

### Internal Audit

- Reviewed with the internal auditors their audit plan for the financial period ended 31 December 2003 ensuring the principal risk areas (identified by the Risk Management framework) are adequately identified and covered in the plan;
- Reviewed the scope and coverage of the audit over the activities of the respective business units of the Group and the basis of assessment and risk rating of the proposed areas of audit;
- Reviewed and deliberated on a total of 12 audit reports on assignments and 8 follow-up reports conducted by the internal audit;
- Reviewed the recommendations by internal audit and appraised the adequacy and effectiveness of Management response in resolving the audit issues reported;
- Reviewed the results of ad-hoc investigations performed by internal audit and the action taken relating to those investigations;
- Approved the appointment of General Manager of Corporate Governance and Risk Management and determined the remuneration, increment and performance rating of the General Manager;
- Reviewed the adequacy of resources and the competencies of staff within the internal audit function to execute the plan, as well as the audit programmes used in the execution of the internal auditors' work and the results of their work;
- Reviewed the necessary corrective action taken by management in addressing and resolving issues as well as ensuring that all issues are adequately addressed on a timely basis;

### Audit Luaran

- Menyemak dengan Juruaudit Luar Pelan Audit, strategi dan skop audit berkanun bagi akaun-akaun Kumpulan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2003;
- Menyemak keputusan-keputusan dan isu-isu berbangkit daripada audit penyata kewangan akhir tempoh dan resolusi untuk isu-isu yang telah diketengahkan di dalam laporan kepada Jawatankuasa;
- Menilai prestasi dan kebebasan Juruaudit Luar sebelum mengesyorkan perlantikan semula dan yuran.

### Audit Dalaman

- Menyemak dengan Juruaudit Dalaman mengenai Pelan Audit bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2003 serta memastikan bahagian risiko utama (terkandung dalam rangka kerja pengurusan risiko) telah dikenalpasti secukupnya dan terkandung di dalam pelan;
- Mengkaji skop dan liputan audit ke atas aktiviti unit-unit perniagaan kumpulan dan asas penilaian serta pengkadaran risiko bagi bidang-bidang audit yang disyorkan;
- Menyemak dan membincangkan sejumlah dua belas (12) laporan audit ke atas tugasan audit dan lapan (8) audit susulan yang dijalankan oleh Audit Dalaman;
- Mengkaji cadangan-cadangan Audit Dalaman dan menilai kecukupan dan keberkesanan tindak balas Pengurusan dalam menyelesaikan perkara audit yang dilaporkan;
- Menyemak keputusan penyiasatan (ad-hoc) yang dijalankan oleh Audit Dalaman dan tindakan yang diambil berkaitan dengan penyisatan tersebut;
- Meluluskan perlantikan Pengurus Besar, Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko dan menentukan ganjaran, kenaikan gaji serta prestasi Pengurus Besar tersebut;
- Mengkaji kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan di dalam fungsi Audit Dalaman dalam melaksanakan pelan audit, disamping rancangan audit yang digunakan untuk melaksanakan kerja Juruaudit Dalaman dan keputusan kerja mereka;
- Mengkaji tindakan pembetulan yang diambil oleh Pengurusan di dalam menangani dan menyelesaikan isu-isu dan juga memastikan kesemua isu-isu telah ditangani sepenuhnya pada masa yang ditetapkan;
- Mengkaji kecukupan bidang tugas Jawatankuasa dan Audit Dalaman.

- Reviewed the adequacy of the terms of reference of the Committee and internal audit.

Related Party Transactions

- Reviewed related party transactions for compliance with the Listing Requirements of the MSEB and the appropriateness of such transactions before recommending to the Board for its approval.

## Internal Audit Function

The internal audit function for MPB Group is carried out by the Corporate Governance and Risk Management Department. The department reports to the Audit Committee and is responsible in providing independent assessments for adequate, efficient and effective internal control systems in anticipating potential risks exposures over key business processes within the Group.

The activities carried out by internal audit include amongst others, the review of the adequacy of risk management, the effectiveness and efficiency of the system of internal controls, compliance with established procedures, guidelines, laws and regulations, reliability and integrity of information and safeguarding of assets. Areas audited include engineering, finance, human resource, asset management and subsidiary operations. In addition, the internal audit was in attendance in all major competitions organised by the Group, to verify and confirm the results of the competitions. The internal audit also attended stock-takes within the Group as an independent observer to ensure due process have been observed. These were carried out in accordance with the annual audit plan or as special ad-hoc audit at Management's request. The resulting reports of the audits undertaken were presented to the Audit Committee and forwarded to the Management concerned for attention and necessary actions.

The Management is responsible for ensuring that corrective actions on reported weaknesses as recommended are taken within the required timeframe. The Management is also responsible for ensuring that a written report on action planned or completed is sent to the Chairman of the Audit Committee and the Head of Internal Audit.

Transaksi Dengan Pihak-pihak Berkaitan

- Menyemak transaksi dengan pihak-pihak berkaitan berkenaan pematuhan Syarat-Syarat Penyenaraian MSEB dan kesesuaian transaksi-transaksi tersebut sebelum mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.

## Fungsi Audit Dalaman

Fungsi audit dalaman bagi Kumpulan MPB dipikul oleh Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko. Audit Dalaman membuat laporan kepada Jawatankuasa Audit dan bertanggungjawab menyediakan penilaian bebas mengenai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman bagi menjangkakan risiko potensi yang terdedah kepada proses utama perniagaan dalam Kumpulan.

Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Audit Dalaman termasuk mengkaji kecukupan pengurusan risiko, keberkesanan dan kecekapan sistem kawalan dalaman, pematuhan kepada kaedah-kaedah kerja yang sedia ada, tatacara, undang-undang dan peraturan serta informasi yang boleh dipercayai dan berwibawa dan penjagaan aset-aset. Bidang-bidang yang diaudit termasuk kejuruteraan, kewangan, sumber manusia, pengurusan harta dan operasi subsidiari. Sebagai tambahan, Audit Dalaman juga menghadiri semua pertandingan-pertandingan utama yang dianjurkan oleh kumpulan untuk mengesahkan keputusan-keputusan pertandingan. Audit Dalaman juga menghadiri proses pengiraan stok dalam Kumpulan sebagai pemerhati berkecuali untuk memastikan proses yang betul dipatuhi. Ini dijalankan menurut Pelan Audit Tahunan atau sebagai audit ad-hoc khas atas permintaan Pengurusan. Laporan yang diperolehi daripada audit yang dilaksanakan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan dikemukakan kepada Pengurusan berkenaan untuk perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

Pengurusan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa tindakan pembetulan berhubung kelemahan yang dilaporkan seperti yang disyorkan diambil dalam tempoh masa yang ditentukan. Pengurusan juga bertanggungjawab memastikan bahawa laporan bertulis mengenai tindakan yang dirancang atau telah disiapkan dihantar kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Ketua Audit Dalaman.

# statement of internal control

## penyata kawalan dalaman

### Introduction

The Malaysian Code on Corporate Governance requires listed companies to maintain a sound system of internal control to safeguard shareholders' investments and the Group's assets. The Malaysia Securities Exchange Berhad's (MSEB's) Revamped Listing Requirements require directors of listed companies to include a statement in annual reports on the state of their internal controls. The MSEB's Statement on Internal Control: Guidance for Directors of Public Listed Companies (Guidance) provides guidance for compliance with these requirements. Set out below is the Board's Internal Control Statement, which has been prepared in accordance with the Guidance.

### Responsibility

The Board of Directors recognises the importance of sound controls and risk management practices to good corporate governance. The Board affirms its overall responsibility for the Group's system of internal controls and risk management, and for reviewing the adequacy and integrity of the system. Such a system, however, can only be designed to manage rather than eliminate the risk of failure to achieve business objectives. This system, by its nature, can only provide reasonable but not absolute assurance against material misstatement or loss.

### Risk Management Framework

The Group has in place an on-going process for identifying, evaluating, monitoring and managing the significant risks affecting the achievement of its business objectives.

The Board has established an organisation structure with clearly defined lines of accountability and delegated authority. It has extended the responsibilities of the Audit Committee to include the work of monitoring all internal controls, on its behalf.

### Pengenalan

Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia memerlukan syarikat-syarikat senarai awam mengekalkan satu sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan. Penyusunan Semula Keperluan Penyenaraian Malaysia Securities Exchange Berhad ('MSEB') memerlukan para pengarah syarikat-syarikat tersenarai memasukkan satu penyata dalam laporan tahunan mengenai keadaan kawalan dalaman syarikat. Penyata MSEB mengenai Kawalan Dalaman: Panduan kepada Pengarah Syarikat Senarai Awam ('Panduan') memberikan panduan bagi pematuhan kepada keperluan berkenaan. Dibentangkan di bawah ialah penyata kawalan dalaman Lembaga Pengarah yang telah disediakan menurut Panduan tersebut.

### Tanggungjawab

Lembaga Pengarah mengiktiraf kepentingan kawalan yang kukuh dan amalan pengurusan risiko terhadap tadbir urus korporat yang baik. Lembaga Pengarah mengesahkan tanggungjawab keseluruhannya terhadap sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko Kumpulan, dan bagi menyemak kecukupan serta kewibawaan sistem tersebut. Sistem ini walau bagaimanapun, hanya boleh direka untuk mengurus dan bukannya menghapuskan risiko kegagalan untuk mencapai objektif perniagaan. Sistem ini secara semulajadi hanya boleh memberi jaminan berpatutan dan bukannya jaminan mutlak dari sebarang salahnyata atau kerugian yang material.

### Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Kumpulan mempunyai satu proses berterusan untuk mengenalpasti, menilai, memantau dan mengurus risiko penting yang boleh menjejaskan pencapaian matlamat perniagaan.

Lembaga Pengarah telah menubuhkan satu struktur organisasi dengan takrif yang jelas mengenai kewibawaan dan pembahagian kuasa yang diwakilkan. Ia telah memperluaskan tanggungjawab Jawatankuasa Audit dengan memasukkan tugas pemantauan keseluruhan kawalan dalaman bagi pihaknya.

The Board has approved the Risk Management Framework for the Group, which provides the platform to adopt a more holistic and integrated approach to managing risk including the establishment of the Group Risk Management Committee. The Group Risk Management Committee is chaired by the Group Managing Director and includes the Group Chief Financial Officer, Head of Human Resources and Administration and Head of Group Corporate Governance with representatives from each operating unit attending, as required.

The Group Risk Management Committee meets quarterly to consider what changes to risk management and control processes should be recommended. Its review covers matters such as responses to significant risk and control issues identified, output from monitoring processes and changes made to the internal control systems. It reports to the Audit Committee on risk management status on a regular basis. The Audit Committee then reports to the Board significant changes in the business and the external environment which affect key risks.

The Board is currently reviewing whether the Risk Management Committee should be separated and independent of the Audit Committee and represented as a Board Committee.

At each major subsidiary company, the Subsidiary Audit Committee is established to discuss and review internal control issues, risk status and risk profiles of the subsidiary company. It also reviews the risk mitigating strategies to address company level strategic and operational risks. It reports to the Subsidiary Board, who is responsible for the overall monitoring and supervision of risk management exercise at company level. The Subsidiary Audit Committee also reports to the Group Audit Committee risks of high probability or significant impact to business units and the Group on quarterly basis.

During the period, the Group has developed an enterprise wide risk map through the control and risk self assessment exercise facilitated by the Risk Management Unit. This exercise includes profiling and mapping of the risks identified and proposing risk mitigating strategies to manage these risks. The risk profiles of the Group and individual business units are presented to the Board on quarterly basis. The Board monitors the implementation of the risk strategies and any changes to the risk profiles are highlighted to the Board for consideration. In this way, the Board will ensure that the risk strategies are progressing according to the implementation plan.

Lembaga Pengarah telah meluluskan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan yang menyediakan satu platform untuk menerimapakai satu pendekatan yang lebih holistik dan berintegrasi untuk menguruskan risiko termasuk penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan dipengerusikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan serta terdiri daripada Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Ketua Sumber Manusia dan Pentadbiran dan Ketua Urus Tadbir Korporat Kumpulan dan mengikut keperluan, akan dihadiri oleh wakil-wakil dari setiap unit operasi.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan bermesyuarat setiap suku tahun untuk mempertimbangkan perubahan-perubahan ke atas proses pengurusan dan kawalan risiko yang perlu disyorkan. Penyemakannya meliputi perkara-perkara seperti jawab balas terhadap risiko penting dan isu kawalan yang dikenalpasti, hasil daripada proses pemantauan serta perubahan yang dibuat ke atas sistem kawalan dalaman. Ia mengemukakan laporan status pengurusan risiko kepada Jawatankuasa Audit secara kerap. Jawatankuasa Audit kemudiannya akan melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perubahan penting dalam persekitaran perniagaan dan luaran yang memberi kesan kepada risiko utama.

Lembaga Pengarah sedang menilai sama ada Jawatankuasa Pengurusan Risiko harus diasingkan dan bebas daripada Jawatankuasa Audit dan diwakili sebagai Jawatankuasa Pengarah.

Di setiap syarikat subsidiari utama, Jawatankuasa Audit Subsidiari telah ditubuhkan untuk membincang dan menyemak isu kawalan dalaman, status risiko dan profil risiko syarikat subsidiari. Ia juga meyemak strategi-strategi pengurangan risiko untuk menangani risiko strategik dan operasi di peringkat syarikat. Ia membuat laporan ke Lembaga Pengarah Subsidiari yang bertanggungjawab ke atas keseluruhan penyeliaan dan pengawalan pengurusan risko di peringkat syarikat. Pada setiap suku tahun, Jawatankuasa Audit Subsidiari juga membuat laporan kepada Jawankuasa Audit Kumpulan risiko-risiko berpotensi tinggi yang boleh memberi impak yang besar ke atas unit perniagaan dan Kumpulan.

Pada tempoh semasa, Kumpulan telah merangka satu peta risiko keseluruhan organisasi melalui sesi penilaian-sendiri risiko dan kawalan yang difasilitasikan oleh Unit Pengurusan Risiko. Sesi ini meliputi pemprofilan dan pemetaan risiko-risiko yang telah dikenalpasti dan mengsyorkan strategi pengurangan risiko untuk mengurus risiko-risiko tersebut. Profil risiko Kumpulan dan setiap unit perniagaan dibentangkan ke Lembaga Pengarah pada setiap suku tahun. Lembaga Pengarah memantau perlaksanaan strategi-strategi risiko dan sebarang perubahan ke atas profil risiko dibawa ke pengetahuan Lembaga Pengarah untuk pertimbangan. Melalui cara ini, Lembaga Pengarah akan memastikan strategi-strategi risiko dilaksanakan mengikut plan perlaksanaan.

## Other Key Elements of Internal Control

The other key elements of the Group's internal control systems are described below:

- clearly defined lines of authority in the organisation structure and delegation of responsibilities, including authorisation levels for all aspects of the business as set out in the authority manual.
- clearly documented internal policies and procedures set out in a series of Standard Operating Manuals which is currently being reviewed for improvement to reflect changes in business structures and processes.
- the setting up of various committees including the Programme Committee and Tender Committee with clearly defined terms of reference to ensure transparency and integrity of the procurement process.
- a detailed budgeting process where operating units prepare budgets for the coming year which are approved by the Board.
- monthly reporting of actual results and their review against budget, with major variances being followed up and management action taken, where necessary.
- regular and comprehensive information provided to management, covering financial performance and key performance indicators, such as staff utilisation and cash flow performance.
- monitoring of performance including discussion of any significant issues at monthly senior management meeting chaired by the Group Managing Director.
- regular internal audit visits which provide independent assurance on the effectiveness of the Group's system of internal control and advising management on areas for further improvement.
- regular visits to operating units by members of the Board and senior management.

The Board believes that the development of the system of internal controls is an ongoing process and has taken steps throughout the period to improve its internal control system and will continue to do so.

## Unsur-Unsur Utama Lain Kawalan Dalaman

Unsur-unsur utama lain dalam sistem kawalan dalaman Kumpulan adalah seperti berikut:

- Takrifan jelas pembahagian kuasa dalam struktur organisasi dan pengagihan tanggungjawab, termasuk tahap pemberian kuasa bagi semua aspek perniagaan seperti yang dinyatakan dalam manual bidang kuasa.
- Dasar-dasar dan prosedur dalaman yang didokumenkan secara jelas dinyatakan dalam satu siri Manual Operasi Piawai yang kini sedang disemak untuk dipertingkatkan bagi mencerminkan perubahan dalam struktur dan proses perniagaan.
- Penubuhan pelbagai jawatankuasa, antaranya Jawatankuasa Program dan Jawatankuasa Tender dengan bidang tugas yang jelas untuk memastikan ketelusan dan kewibawaan proses perolehan.
- Proses belanjawan terperinci di mana unit-unit operasi menyediakan belanjawan bagi tahun hadapan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Laporan bulanan keputusan-keputusan sebenar dan penyemakan berbanding belanjawan di mana susulan dibuat ke atas perbezaan ketara dan tindakan pengurusan diambil, sekira perlu.
- Maklumat secara kerap dan menyeluruh disediakan untuk pengurusan meliputi prestasi kewangan serta petunjuk prestasi utama seperti penggunaan kakitangan dan prestasi aliran tunai.
- Memantau prestasi termasuk perbincangan mengenai sebarang isu penting di mesyuarat bulanan pengurusan kanan yang dipengerusikan Pengarah Urusan Kumpulan.
- Lawatan audit dalaman secara kerap yang menyediakan jaminan bebas mengenai keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan dan menasihati pengurusan mengenai bidang yang boleh dipertingkatkan lagi.
- Lawatan secara kerap ke unit-unit operasi oleh ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan.

Lembaga Pengarah percaya bahawa pembangunan sistem kawalan dalaman ini merupakan satu proses berterusan dan telah mengambil beberapa langkah sepanjang tempoh untuk mempertingkatkan sistem kawalan dalamannya dan akan terus berbuat demikian.

## Internal Audit

The Group's internal audit function undertakes regular reviews of the Group's operations and their systems of internal control. It provides continuous improvement to the controls and risk management procedures. Internal audit findings are discussed at management level and actions are agreed in response to the internal audit recommendations. The status of implementation of the agreed actions are followed up by the internal audit to ensure that satisfactory control is maintained.

The Audit Committee reviews all internal audit findings and management responses and the effectiveness of the risk management process. Significant risk issues are referred to the Board for consideration.

The Board reviews the minutes of the Audit Committee meetings.

## Associated Companies

Directors are appointed to the board of directors of associated companies and attend board meetings and review the key financial information of those companies. These directors report to the Board in the event that the associated companies do not appropriately manage significant risks.

However, where an associated company is a public listed company, it must comply with the reporting requirements in its own right. In that respect, the state of internal control of The New Straits Times Press (M) Berhad, an associated company of MPB listed on the MSEB, has been disclosed in the Statement of Internal Control made by their Board of Directors and is thus excluded from this Statement.

## Audit Dalaman

Fungsi Audit dalaman Kumpulan mengkaji secara kerap operasi dan sistem kawalan dalaman Kumpulan. Ia menyediakan peningkatan berterusan ke atas kawalan dan prosedur pengurusan risiko. Penemuan audit dalaman dibincangkan di peringkat pengurusan dan tindakan dipersetujui sebagai jawab balas kepada syor yang dibuat oleh audit dalaman. Status pelaksanaan tindakan yang telah dipersetujui disusuli oleh Audit Dalaman bagi memastikan kawalan yang memuaskan mampu dikekalkan.

Jawatankuasa Audit menyemak semua penemuan audit dalaman serta tindakbalas pengurusan dan keberkesanan proses pengurusan risiko. Isu-isu risiko penting dirujuk kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan.

Lembaga Pengarah mengkaji minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit.

## Syarikat-syarikat Bersekutu

Para Pengarah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah syarikat-syarikat bersekutu dan menghadiri mesyuarat serta menyemak maklumat kewangan penting syarikat-syarikat tersebut. Para Pengarah akan melaporkan ke Lembaga pengarah seandainya syarikat-syarikat bersekutu ini tidak menguruskan risiko penting dengan sewajarnya.

Di dalam situasi di mana sesebuah syarikat bersekutu merupakan sebuah syarikat senarai awam, ia harus mematuhi syarat-syarat penyenaraiannya sendiri. Oleh itu, keadaan kawalan dalaman bagi The New Straits Times Press (M) Berhad, sebuah syarikat bersekutu MPB yang disenaraikan di MSEB, telah dilaporkan di dalam Penyata Kawalan Dalaman yang dibuat oleh Lembaga Pengarahnya. Dan oleh yang demikian, ia telah dikecualikan daripada Penyata ini.

## AUDIENCE CHART
## Carta Penonton

**Average Weekly Audience Share From Start to Close Transmission I**
Purata Perkongsian Penonton Mingguan Dari Mula Hingga Tamat Siaran




**Total** / Jumlah 6+




**Bandar** / Urban 6+

Source: Nielsen Media Research

(Based on Week 10 of 2004 : 07.03.04 - 13.03.04)

**Average Daily Audience Share By Dayparts (Total 6+)** I
Purata Perkongsian Penonton Harian Mengikut Pecahan Waktu (Jumlah 6+)

**Time** I Masa **0600 – 1159**




**Time** I Masa **1200 – 1559**



## AUDIENCE CHART
## Carta Penonton

**Average Daily Audience Share By Dayparts (Total 6+) I**
Purata Perkongsian Penonton Harian Mengikut Pecahan Waktu (Jumlah 6+)




















**Time** I Masa **1800 – 1959**



## AUDIENCE CHART
## Carta Penonton

**Average Daily Audience Share By Dayparts (Total 6+)** I
Purata Perkongsian Penonton Harian Mengikut Pecahan Waktu (Jumlah 6+)

**Time** I Masa **2000 – 2029**




**Time** I Masa **2030 – 2059**



**Time** | Masa **2100 – 2259**




**Time** | Masa **2300 – end** / tamat




Source: Nielsen Media Research

(Based on Week 10 of 2004 : 07.03.04 – 13.03.04)

## SHARE PRICE CHART
## Carta Harga Saham



# FINANCIAL HIGHLIGHTS
## Maklumat Kewangan

| | **Group** I Kumpulan | | **Company** I Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | **2003 16 months RM'000** | 2002 12 months RM'000 | **2003 16 months RM'000** | 2002 12 months RM'000 |
| Revenue / Perolehan | 371,156 | 244,361 | 3,883 | – |
| Profit / (Loss) Before Taxation<br>Keuntungan / (Kerugian) Sebelum Cukai | 178,275 | (7,169) | (5,465) | (6) |
| Profit / (Loss) After Taxation<br>Keuntungan / (Kerugian) Selepas Cukai | 167,879 | (30,141) | (6,552) | (6) |
| Minority Interest<br>Kepentingan Minoriti | 587 | 161 | – | – |
| Paid Up Capital<br>Modal Berbayar | 540,658 | 263,675 | 540,658 | 300 |
| Total Shareholders' Funds *<br>Jumlah Dana Pemegang Saham * | 219,208 | (367,785) | 573,297 | 293 |
| Earnings/ (Loss) Per Share (sen) (Basic) **<br>Keuntungan/ (Kerugian) Sesaham (sen) (Asas) ** | 47 | (11) | – | – |
| Return On Shareholders' Funds (%)<br>Pulangan Ke Atas Dana Pemegang Saham (%) | 77 | 8 | (1) | (2) |
| Net Tangible Assets / (Liabilities) Backing Per Share (RM)<br>Aset / (Liabiliti) Ketara Bersih Sesaham (RM) | 0.38 | (1.54) | 1.06 | 0.98 |
| Number Of Employees At Financial Year End<br>Bilangan Pekerja Pada Akhir Tahun Kewangan | 1,070 | 1,161 | 3 | – |

* Total Shareholders' Funds: Ordinary Capital + Share Premium + Reserves + Unappropriated Profit / (Loss)

** Earnings/ (Loss) per Share: Profit/ (Loss) After Taxation and Minority Interests divided by the weighted average number of ordinary shares in issue during the financial period/year of 360,667,000 (31.8.2002 : 263,596,000)

* Jumlah Dana Pemegang Saham: Modal Biasa + Premium Saham + Rezab + Keuntungan / (Kerugian) Terkumpul yang tidak diagihkan

** Keuntungan/ (Kerugian) Sesaham: Keuntungan/ (Kerugian) Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti dibahagikan dengan jumlah purata wajaran saham biasa yang diterbitkan pada tempoh/tahun kewangan iaitu 360,667,000 (31.8.2002 : 263,596,000)

## CHARTS
## Carta




STMB Group's 12 months results
Keputusan Kumpulan STMB untuk 12 Bulan

MPB Group's 16 months results
Keputusan Kumpulan MPB untuk 16 Bulan

**Group Shareholders' Funds**
Dana Pemegeng Saham Kumpulan




**Group Expenditure**
Perbelanjaan Kumpulan




**Group Employees**
Pekerja Kumpulan





# and now the results...

dan kini keputusannya...

